

TARIKH	SELASA, 18 FEBRUARI 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN (ONLINE)
TAJUK ARTIKEL	SIASAT SIAPA BENARKAN 'MUSANG' SELUDUP MASUK 'E-WASTE'
PAUTAN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362655/siasat-siapa-benarkan-musang-seludup-masuk-e-waste
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION



Komander Briged Utara Senior Asisten Komisioner Shahrum Hashim (kiri) menunjukkan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) di sebuah kilang di Jalan Sungai Siput-Kuala Kangsar, kelmarin. - Foto BERNAMA

'Di mana kayu bengkok, di sanalah musang meniti', bermaksud tempat yang tidak dijaga dengan baik adalah ruang terbuka kepada pencuri.

Bagaimanapun, kewujudan kilang haram memproses sisa elektrik dan elektronik atau e-waste diseludup masuk seolah-olah menggambarkan bukan hanya 'musang' meniti, sebaliknya semua jenis haiwan.

Lebih membimbangkan, turut diseludup masuk adalah kira-kira 50 tan anak peluru, kelongsong dan peluru hidup yang boleh mengancam keselamatan rakyat.

Kita perlu memberikan kredit kepada Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menumpaskan operasi pemprosesan e-waste haram di Sungai Siput, Teluk Panglima Garang, Kuantan, Pekan, Pengkalan Chepa dan beberapa lokasi lain.

Ini membuktikan kejayaan kerjasama rentas agensi berkesan dalam mengekang jenayah alam sekitar, namun kejayaan ini tidak boleh sekadar menjadi tindakan bermusim.

Walaupun berkali-kali serbuan dibuat, ribuan tan e-waste dirampas dan ratusan pekerja asing ditahan selama ini, kilang haram ini tetap tumbuh 'seperti kepala hidra – potong satu, tumbuh yang lain'.

Ini menimbulkan persoalan besar. Bagaimana e-waste boleh masuk dengan begitu mudah? Apakah kelemahan di pintu masuk negara, khususnya di pelabuhan dan sempadan darat?

Apakah ada loophole dalam sistem penguatkuasaan yang memungkinkan sisa elektronik ini terus dibawa masuk tanpa tapisan ketat atau lebih parah, adakah unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan 'orang dalam' atau pihak berkuasa bertanggungjawab?

Justeru, kita mahu kerajaan bertindak lebih tegas dengan memastikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat secara menyeluruh jika ada pihak tertentu menjadi tali barut membolehkan kegiatan ini terus berleluasa.

Pegawai dan anggota penguat kuasa, sama ada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen, pihak berkuasa tempatan mahupun agensi lain mesti diperiksa. Siapa yang pejam mata hingga 'musang' dapat meniti masuk untuk membawa e-waste ini, manakala individu bertanggungjawab harus diberkas dan didakwa. Pada masa sama, pengajaran penting daripada apa berlaku adalah penguatkuasaan tidak boleh 'bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing'.

Semua agensi berkaitan perlu bergerak dalam satu rangka kerja bersama, sekali gus tidak hanya menunggu maklumat risikan tanpa proaktif dalam operasi. Tindakan menyeluruh wajib dilakukan dari peringkat pintu masuk di sempadan, pengangkutan sehingga kilang pemrosesan haram.

Malaysia juga mesti memperkukuh dasar kawalan e-waste dengan memperketatkan peraturan import, tidak boleh mengizinkan negara maju menjadikan Malaysia tempat lambakan sisa buangan elektronik mereka kerana negara kita bukan tong sampah dunia.

Kesungguhan dalam menjadi negara parti kepada Konvensyen Basel sejak 8 Oktober 1993 perlu diterjemahkan kepada tindakan lebih tegas di lapangan. Jika perlu, kerajaan boleh menimbang sekatan terhadap syarikat pengimport terbukti terbabit membawa masuk sisa elektronik secara haram.

Realitinya, kita tidak boleh menunggu serbuan demi serbuan atau rampasan demi rampasan tanpa penyelesaian tuntas. Sudah tiba masa kita bertindak lebih tegas dan gigih sebelum negara tenggelam dalam lambakan e-waste yang bukan sahaja merosakkan alam sekitar, bahkan mengancam keselamatan rakyat.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM